



# BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

## SUKU TAHUN (2/2023)



## MAJLIS PERASMIAN ELECTRIC VEHICLE (EV) BUS MAJLIS PERBANDARAN TAIPING (MPT)

17 April 2023 – Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak, YB Puan Sandra Ng Shy Ching merasmikan Majlis Perasmian Electric Vehicle (EV) Bus Majlis Perbandaran Taiping (MPT) di hadapan Zoo Taiping & Night Safari. EV Bus MPT akan beroperasi bagi tempoh percubaan selama tiga (3) bulan bermula 1 Mei 2023 hingga 31 Julai 2023. Perkhidmatan EV Bus MPT akan dibuka tempahan berbayar kepada orang awam pada 1 Ogos 2023. Tiket bas boleh didapati di Kaunter Tiket Zoo Taiping & Night Safari dengan harga bagi Dewasa RM 20.00, Warga Emas RM 10.00 Kanak-kanak RM 10.00 dan tiket untuk OKU RM10.00. Sebagai permulaan operasi, tiket dijual dengan kadar diskaun 30% sehingga 31 Disember 2023. Laluan EV Bus melibatkan laluan Jejak Warisan di sekitar Bandar Taiping sejauh 11.5 km. EV Bus MPT beroperasi setiap hari termasuk hujung minggu. Pada hari Isnin hingga hari Jumaat disediakan 4 kali perjalanan sehari bermula 9.00 pagi, 11.00 pagi, 3.00 petang dan 5.00 petang. Manakala pada hari Sabtu dan hari Ahad termasuk Cuti Umum atau Cuti Persekolahan disediakan 5 kali perjalanan sehari bermula 9.00 pagi, 11.00 pagi, 1.00 tengah hari, 3.00 petang dan 5.00 petang. Setiap perjalanan mengambil masa 1 jam 21 minit dan disediakan Pemandu Pelancong bagi memberi penerangan lokasi Jejak Warisan.

Perjalanan EV Bus bermula di Zoo Taiping & Night Safari dan berhenti rehat 10 minit di empat (4) tempat iaitu di Raintree Walk, Menara Jam, Casual Market dan Galeri Perbandaran Taiping. Perjalanan EV Bus berakhir di Burmese Pool dan penumpang akan dibawa kembali ke Zoo Taiping & Night Safari. EV Bus yang mempunyai kapasiti 22 penumpang, 1 penumpang Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan inisiatif beberapa syarikat tempatan dan luar negara sejak tahun 2015. Bas ini menggunakan kuasa elektrik sepenuhnya dan disumbangkan oleh Kerajaan Jepun melalui Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA). Pelancaran EV Bus MPT diharap melonjakkan industri pelancongan di Taiping Bandar Warisan sekaligus menyambut 150 ulang tahun Bandar Taiping pada tahun hadapan. Turut hadir bersama ADUN Pokok Assam, YB Encik Ong Seng Guan, Yang Dipertua, YBrs. Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir, Pengarah Perancang dan Pembangunan Bandar, TPr. Syahrulnizam Baharom, Pengarah Zoo, YBrs. Dr Muhamad Ridhwan Affendi, Ahli-ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian MPT.



## KUNJUNGAN HORMAT OSAKA TENNOJI ZOO KE MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

25 Mei 2023 – Majlis Perbandaran Taiping (MPT) menerima kunjungan daripada pihak Osaka Tennoji Zoo (OTZ) dari Jepun bagi mengukuhkan hubungan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak. Yang Dipertua, YBrs. Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir menyambut ketibaan delegasi yang diketuai oleh Timbalan Pengurus Bahagian OTZ, Dr. Taka Imanishi.

Intipati utama dalam pertemuan berkenaan adalah perkongsian dan pertukaran idea serta pengalaman pihak MPT dalam mengurus Zoo Taiping & Night Safari (ZTNS). Susulan daripada sesi kunjungan ini, pihak MPT berharap agar jalinan kerjasama antara ZTNS dan OTZ akan terus diperkukuh dalam memperkasa kompetensi pengurusan zoo seiring dengan peredaran masa.

Turut hadir bersama Setiausaha Perbandaran, Encik Kamaruzzaman Kamari, Pengarah Zoo Taiping & Night Safari, Dr. Muhamad Ridhwan Affendi, Naib Presiden dan Setiausaha Kedua, Presiden Persatuan Zoo dan Akuarium Asia Tenggara (SEAZA) merangkap Pengerusi Persatuan Taman Zoologi dan Akuarium Malaysia (MAZPA), Dr. Kevin Lazarus.



## MESYUARAT AGUNG ANULAE

### CAWANGAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

9 Jun 2023 – Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), YBrs. Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir merasmikan Mesyuarat Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) Cawangan MPT bertempat di Dewan Perbandaran Taiping.

ANULAE merupakan sebuah Kesatuan Sekerja terunggul di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah ditubuhkan pada 1 April 1963 dengan No. Pendaftaran 342. ANULAE bergabung dengan lebih 100 Kesatuan Sekerja Sektor Awam bagi membentuk Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS). CUEPACS ditubuhkan pada 23 Oktober 1957 bertujuan membaiki keadaan kerja seperti pengambilan, masa kerja, kenaikan pangkat, tatatertib, gaji, elaun dan lain-lain faedah persaraan anggota.



ANULAE telah bergabung dengan CUEPAC bertujuan untuk bersama-sama menangani masalah dan isu perkhidmatan ahli-ahli Kesatuan khususnya dan kumpulan pekerja sektor awam amnya. Beberapa isu dan masalah ahli dan kumpulan pekerja sektor awam telah dibawa ke forum-forum perundingan seperti Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan.

## SUDUT LIONS-LIONS CORNER KEMUDAHAN BAHARU DI RAINTREE WALK, TAMAN TASIK TAIPING

17 Mei 2023 – Setiausaha Perbandaran, Encik Kamaruzzaman Kamari mewakili Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT) merasmikan 'Sudut Lions-Lions Corner' di Raintree Walk, Taman Tasik Taiping pada pagi ini. Ianya merupakan projek komuniti dengan kerjasama enam Lions Clubs di Taiping dan Kerian (Zon 11) menyumbangkan meja dan kerusi bagi tujuan berehat kepada pengunjung. Lokasi kemudahan terletak bersebelahan Tempat Letak Kenderaan C, Taman Tasik Taiping.

Dalam ucapan beliau, pihak Majlis sentiasa memastikan persekitaran Taman Tasik Taiping bersih dan selamat untuk dinikmati pengunjung. Terdapat banyak tong sampah yang terletak di seluruh taman dan pengunjung digalakkan untuk membuang sampah mereka secara bertanggungjawab. Selain itu, terdapat papan tanda yang dipasang di seluruh taman yang mengingatkan pengunjung untuk menjaga kebersihan kawasan dan tidak membuang sampah merata tempat.

Ujar beliau, adalah penting untuk pengunjung bahawa Taman Tasik Taiping merupakan taman awam yang dinikmati oleh orang ramai. Pengunjung harus menghormati taman dan kemudahannya, dan membuang sampah mereka dengan betul serta mengelakkan vandalisme. Dengan berbuat demikian, pengunjung boleh membantu memastikan taman ini kekal sebagai persekitaran yang indah dan menyeronokkan kepada pengunjung.



## ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI SAMBUT HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

5 Jun 2023 – Seramai 20 pelajar daripada Program Pendidikan Khas Integriti (PPKI), Sekolah Kebangsaan Kampung Boyan menyertai program 'Let's Nurture the Nature' sempena Sambutan Hari Alam Sekitar di Zoo Taiping & Night Safari (ZTNS).

Antara pengisian program adalah menanam 21 batang anak Pokok Kelat Paya Merah (*Syzygium sinubanense*) dengan menggunakan tanah baja organik melalui proses pengkomposan tinja haiwan dari ZTNS. Selain itu, program dimeriahkan dengan sesi 'Zoo Tour' dan 'Animal Feeding'.



## AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI

24 Mei 2023 - Majlis Perbandaran Taiping (MPT) menerima kunjungan dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Perak bagi menjalankan Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Zoo Taiping & Night Safari.

Tujuan audit adalah untuk melihat tahap pematuan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP), 1994 dan Peraturan-peraturan dibawahnya selaras dengan Pekeliling Ketua Setiausaha Negara Malaysia Bil UTPM159/267/50 Klt 4(46) bertarikh 20 Ogos 2004. Wakil JKKP Negeri Perak dihadiri oleh Pemeriksa Kilang dan Jentera, Puan Nazurah Hamid dan Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera, Puan Isma Ismail. Sesi audit bermula seawal 10.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari.

Sesi audit dimulakan dengan Taklimat Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MPT oleh Pengarah Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan, Encik Ami Faizul Yaacob. Seterusnya sesi diteruskan semakan dokumen dan lawatan tapak ke tempat kerja.



Turut hadir bersama Pengarah Zoo Taiping & Night Safari, Dr. Muhamad Ridhwan Affendi, Pengarah Undang-undang, Puan Hajah Haryati Dato' Khairuddin, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan (Pengurusan Sumber Manusia), Penolong Pengarah Zoo Taiping & Night Safari, Encik Kamarudin Mat Arsad, Penolong Akauntan Kanan, Haji Yussrizan Jamaluddin dan Penolong Pegawai Tadbir, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Encik Muhammad Hafizzuddin Azhar.

## MPT KOMITED PROSES SISA MAKANAN DAN TINJA GAJAH JADI BAJA KOMPOS

19 Jun 2023 – Beratus kilogram (kg) sisa makanan dari Pasar Awam dapat diselamatkan daripada di hantar ke tapak pelupusan sampah dengan memproses bahan tersebut menjadi baja kompos. Dalam taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Jualan Mentari Alam Eko (M) Sdn Bhd (Maeko), Puan Mae Ooi SL di Bilik Seminar, Zoo Taiping & Night Safari (ZTNS), pihaknya merintis teknologi pengkomposan mudah untuk pengurusan sisa makanan yang lebih efektif dan selamat.

Sesi taklimat yang dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak merangkap ADUN Aulong, YB Teh Kok Lim, ADUN Pokok Assam, YB Ong Seng Guan, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping (MPT), YBrs. Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir, Ahli-ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan MPT bertujuan mendapatkan gambaran penggunaan Mesin Kompos Sisa Makanan Maeko yang digunakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) semasa lawatan ke Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam pada 8 Jun lalu.

Mesin Kompos Sisa Makanan Maeko mengandungi sistem pengkomposan komersial 'semua dalam satu'. Jumlah sisa makanan boleh dikurangkan sebanyak 80 peratus dalam tempoh masa 24 jam.



Mesin kompos tersebut berupaya mengurai semua jenis sisa makanan dalam persekitaran aerobik menggunakan parameter terkawal seperti suhu, agitasi dan aliran udara. Untuk setiap proses kompos, pengguna boleh membuang semua jenis sisa makanan termasuk buah, sayuran, bijirin, tenusu, daging, tulang ikan, kulit telur dan kerang sama ada mereka dimasak atau tidak dimasak. Saiz mesin kompos boleh menampung kapasiti bermula 30 liter (260 kg) sehingga 500 liter (2,800 kg) mengikut utiliti komersial yang ditawarkan. Diakhir sesi taklimat, tetamu jemputan dibawa melawat Tapak Pemprosesan Baja Kompos Tinja Gajah yang diusahakan oleh Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK), CleaNature. Baja Kompos Tinja Gajah merupakan inisiatif MPT bagi menyelesaikan limpahan sisa tinja gajah di tapak pembuangan disamping menjaga kelestarian alam sekitar.

## MPT BANTU,

### BERI SUMBANGAN KEPADA KAKITANGAN DAN PESARA

12 April 2023 - Di bulan Ramadan yang mulia ini, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) mengadakan Ziarah Barakah kakitangan dan pesara MPT yang kurang bernasib baik dan uzur.

Rombongan ziarah yang diketuai Pengarah Khidmat Pengurusan, YBrs. Tuan Haji Ahmad Shariffuddin Kassim menyantuni seorang kakitangan yang baru menjalani pembedahan, 3 kakitangan kurang bernasib baik dan 6 pesara MPT yang uzur.

Ketika rombongan, sumbangan berbentuk barangan keperluan dapur dan wang tunai telah disampaikan bagi meringankan beban kakitangan dan pesara dalam menyediakan persiapan menyambut bulan Syawal tidak lama lagi.

Turut hadir bersama Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan (Sumber Manusia), Encik Nor Azizee Abd Aziz, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, Encik Hishamuddin Muhammad Zaki, Penolong Pegawai Tadbir, Bahagian Pengurusan Bukit Larut, Encik Musnarizal Abd Manap, Penolong Jurutera, Encik Azmi Jaafar, Ketua Unit Trafik, Encik Mohd Hair Shaini dan kakitangan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam selaku Urus Setia.



Diterbitkan oleh : Bahagian Kualiti  
Editor : Tuan Haji Norazlani b. Hamadudin  
Urusetia : Cik Puteri Fazira Syawati  
Pautan : <http://www.mptaiping.gov.my>